

MINI PROJEK

[100 markah]

ARAHAN:

- 1) Mini projek ini mestilah dilaksanakan secara berkumpulan dengan bilangan ahli kumpulan mengikut kesesuaian bilangan pelajar di dalam kelas.
- 2) Laporan setiap kumpulan perlu dihantar secara bercetak kepada pensyarah penilai.
- 3) Setiap kumpulan mesti membuat pembentangan setelah selesai mini projek dilaksanakan.

SOALAN:

Tanggungjawab sosial korporat (CSR) merujuk kepada keperluan syarikat untuk mempertimbangkan bagaimana operasinya boleh menjejaskan masyarakat dan alam sekitar dan mengurangkan sebarang akibat yang tidak menguntungkan. Kebelakangan ini, CSR semakin popular dalam kalangan ahli perniagaan. Ia digambarkan sebagai komitmen perniagaan untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan melibatkan pekerja, keluarga, komuniti setempat dan masyarakat untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Justeru itu:

- a) Pelajar dikehendaki untuk merancang dan melaksanakan aktiviti CSR yang **CLO 3** bersesuaian mengikut perbincangan bersama dengan Pensyarah Kursus masing-masing. Berikut adalah cadangan aktiviti CSR untuk dilaksanakan iaitu:
 - i. Melaksanakan khidmat penjagaan alam sekitar seperti membersihkan pinggir sungai/pantai/taman atau,
 - ii. Melaksanakan khidmat komuniti seperti mengemas/membersihkan/menceriakan rumah anak yatim/warga emas, masjid/surau dan lain-lain lagi atau,
 - iii. Memberikan khidmat rundingan pemasaran dalam talian kepada peniaga kecil atau,
 - iv. Mengumpul dan menderma barang keperluan kepada keluarga atau golongan yang memerlukan.
- b) Setiap kumpulan perlu menyediakan laporan pelaksanaan aktiviti CSR tersebut.

- c) Laporan CSR perlu mengandungi butiran seperti berikut:
 - i. Pengenalan kepada Tanggungjawab Sosial Korporat.
 - ii. Pengenalan tentang aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat yang dipilih.
 - iii. Objektif pelaksanaan aktiviti.
 - iv. Impak/kesan pelaksanaan aktiviti.
 - v. Tarikh dan tempat pelaksanaan aktiviti.
 - vi. Atur cara pelaksanaan aktiviti.
 - vii. Jawatankuasa pelaksana aktiviti.
 - viii. Perbelanjaan aktiviti.
 - ix. Laporan bergambar.
 - x. Kesimpulan pelaksanaan aktiviti.

- d) Laporan CSR perlu dibentangkan oleh setiap kumpulan dan dihantar semasa minggu Peperiksaan Akhir mengikut tarikh yang akan ditetapkan oleh Unit Peperiksaan.

- e) Format penulisan laporan adalah seperti berikut:
 - i. Microsoft word
 - ii. Font : Tulisan jenis Arial, saiz 11
 - iii. Perenggan: Justify
 - iv. Langkau baris: 1.5

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab